KATA GANTI NAMA DIRI

Isikan tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang sesuai.

mereka	dia	saya	kalian	Beliau
Kita	nya	Kami	Baginda	Hamba

1. Azman tidak ke sekolah hari ini kerana _____ demam panas.

2. "_____ berjanji akan belajar dengan bersungguh-sungguh", kata murid-murid Tahun 6Perdana kepada Cikgu Farhana.

3. Murid-murid itu giat berlatih kerana _____ akan menyertai perlawanan hoki pada minggu hadapan.

4. "Jumpa _____ di bilik guru", kata Cikgu Mimi kepada Khairy.

5. Cikgu Rozaimah mengarahkan murid-murid_____ membawa kain buruk semasa aktiviti gotong-royong esok.

6. "Saya menjemput _____ datang ke rumah saya esok", kata Faris kepada rakan-rakannya.

7. Encik Shafie bekerja sebagai seorang guru. _____ telah dianugerahkan guru cemerlang kerana kepakarannya.

8. Yang di-Pertuan AgOng berkenan untuk menghadiri majlis itu. _____ diiringi Raja Permaisuri Agong.

9. "_____ perlu membantu mereka yang berada dalam kesusahan", kata Irfan kepada rakan-rakannya.

10. "_____ tidak tahu bahawa baginda sedang gering, datuk", kata Temenggung Ahmad kepada Datuk Bendahara.

LIVEWORKSHEETS